

MANHAJ AKIDAH HASAN AL-BANNA TERHADAP SIFAT KHABARIYYAH ALLAH SWT

Oleh:

Muhammad Nasron bin Yaacob¹

Abstrak

Hasan al-Banna adalah seorang tokoh pendakwah Islam yang tersohor dan amat berpengaruh. Konsep "Kesedaran Islam" yang menjadi agenda dakwahnya melalui wadah gerakan al-Ikhwan al-Muslimun masih dapat disaksikan kesannya pada hari ini di seluruh pelosok dunia umat Islam. Walaupun begitu, ada aspek yang menjadi pertikaian di antara sebilangan umat Islam hari ini mengenai Hasan al-Banna, iaitu yang berkaitan dengan perspektif beliau terhadap isu sifat khabariyyah Allah SWT. Sebilangan umat Islam berpendapat bahawa manhaj akidah Hasan al-Banna mengenai sifat khabariyyah ialah bermanhaj ithbat, manakala sebilangan yang lain pula berpendapat bahawa manhaj beliau adalah manhaj tafwid. Justeru artikel ini akan merungkai pertikaian pendapat ini bagi mendapatkan jawapannya.

PENDAHULUAN

Hasan al-Banna telah menegaskan di dalam risalah *al-'Aqa'id* tentang pentarjihan (keutamaan) manhaj *al-Salaf* terhadap manhaj *al-Khalaf*. Kenyataan ini membawa maksud bahawa manhaj *al-Salaf* menjadi pilihan utama Hasan al-Banna berbanding manhaj *al-Khalaf*. Melalui kenyataan yang sama juga Hasan al-Banna tidak menolak manhaj *al-Khalaf* secara mutlak. Pendekatan Hasan al-Banna dalam isu ini ialah pendekatan terbuka iaitu masih boleh menerima kebenaran dalil akidah *al-Khalaf*, walaupun masih meletakkan keutamaan manhaj *al-Salaf* mengatasi manhaj *al-Khalaf*.

¹ Muhammad Nasron bin Yaacob (Ph.D), Pensyarah Jabatan Usuluddin Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri Kota Bharu Kelantan.

² Hasan al-Banna (1992), "Risalah al-'Aqa'id", dalam: *Majmu'ah Rasa'il al-Imam al-Shahid Hasan Al-Banna*, al-Qaherah: Dar al-Shihab, h. 417.

Manhaj atau metode akidah Hasan al-Banna dalam isu sifat *khabariyyah* Allah SWT³ juga adalah mengikut manhaj *al-Salaf*. Persoalannya ialah apakah manhaj akidah *al-Salaf* menurut Hasan al-Banna? Adakah ia dimaksudkan sebagai *ithbat* atau *tafwid*? Manhaj *ithbat* ialah metode akidah yang mengekalkan makna zahir bagi nas sifat *khabariyyah* dan mengisbatkannya sebagaimana selayaknya dengan keagungan Allah SWT. Manhaj *tafwid* pula ialah menekankan konsep *tafwid* (menyerahkan) makna zahir lafaz sifat *khabariyyah* itu kepada Allah SWT dan tidak berbicara panjang mengenainya. Dalam isu ini, golongan *Salafiyyah* mendakwa bahawa manhaj akidah *al-Salaf* ialah *ithbat*, sedangkan aliran *al-Khalaf* khususnya *Asha'irah* mendakwa bahawa ia adalah *tafwid*.

Berdasarkan karya Hasan al-Banna dalam risalah *al-'Aqa'id*, golongan *Salafiyyah* hari ini mendakwa bahawa beliau berpegang dengan metode *tafwid*.⁴ Namun dakwaan ini ditolak oleh sebilangan umat Islam yang menjadi pendokong bagi gerakan dakwah Hasan al-Banna, dengan berdalilkan risalah yang sama⁵ Para pendokong ini mendakwa bahawa Hasan al-Banna juga bermanhaj *ithbat*. Justeru dokongan mereka ini membawa maksud bahawa manhaj akidah *al-Salaf* dan Hasan al-Banna sendiri ialah *ithbat* yang juga manhaj akidah bagi golongan *Salafiyyah*.

³ Pengertian sifat *khabariyyah* Allah SWT akan diterangkan selepas ini.

⁴ Lihat: Ahmad bin 'Abd al-Rahman bin 'Uthman al-Qadiy (1424H), *Madhhab Ahl al-Tafwid fi Nas al-Sifat*, c. 2, al-Dimam: Dar Ibn al-Jawziy. Asas konsep *ithbat* ini telah diperjuangkan Ibn Taymiyyah yang merupakan pelopor utama aliran *Salafiyyah*, lihat: Ahmad bin Taymiyyah (2004), *Majmu' Fatawa*, susunan: 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin Qasim dan Muhammad bin 'Abd al-Rahman, jld. 6, al-Madinah al-Munawwarah: Mujamma' al-Malik Fahd li Tiba'ah al-Mushaf al-Sharif, dan; Ahmad bin Taymiyyah (1991), *Dar'u Ta'arud al-'Aql wa al-Naql*, tahqiq: Muhammad Rashad Salim, c. 2, juz. 2, al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyyah: Jami'ah al-Imam Muhammad bin Sa'ud al-Islamiyyah.

⁵ Lihat: Muhammad 'Abd al-Halim Hamid (1988), *Ma'an 'ala Tariq al-Da'wah; Shaykh al-Islam Ibn Taymiyyah wa al-Imam al-Shahid Hasan al-Banna*, T.T.P: Dar al-I'awzi' wa al-Nashr al-Islamiyyah; 'Isam Ahmad al-Bashir (1990), *Manhaj al-Imam al-Banna fi al-'Aqidah*, al-Sudan: Dar al-Nadhir; Jumu'ah Amin 'Abd al-'Aziz (1990), *Fahm al-Islam fi Zilal al-Usul al-'Ishrin li al-Imam Hasan al-Banna*, al-Iskandariyyah: Dar al-Da'wah.

Pengenalan Manhaj *ITHBAT* DAN *TAFWID*

Istilah *ithbat* adalah berasal dari perkataan bahasa Arab; اثْبَتَ يُثْبِتُ اثْبَاتًا, yang kemudiannya telah menjadi satu istilah perbendaharaan bahasa Melayu kini iaitu dengan ejaan “isbat”. Jadi, pengisbatan bermaksud penetapan, penentuan dan pengesahan⁶. Isbat di dalam konteks di sini bermaksud menetap, menentu dan mengesahkan erti zahir sifat *khabariyyah* Allah SWT sebagaimana yang disebutkan oleh al-Quran dan hadith sahih, di samping adanya rukun kedua manhaj akidah mereka iaitu menyerahkan *kayfiyyah*nya (kaifiat) kepada Allah SWT.

Dalam menyatakan konsep asas manhaj *ithbat*, Ibn Taymiyyah telah mengungkapkannya sebagaimana berikut⁷:

وَمَذْهَبُ السَّلَفِ: أَنَّهُمْ يَصِفُونَ اللَّهَ بِمَا وَصَفَ بِهِ نَفْسَهُ، وَمَا وَصَفَهُ
بِهِ رَسُولُهُ مِنْ غَيْرِ تَحْرِيفٍ وَلَا تَعْطِيلٍ، وَمِنْ غَيْرِ تَكْيِيفٍ وَلَا تَمَثِيلٍ.

Maksudnya: Dan mazhab al-Salaf: Sesungguhnya mereka menyifatkan Allah sebagaimana (Allah) sifatkannya (untuk) diriNya, dan dengan sifat yang rasulNya menyifatkanNya tanpa seleweng dan tanpa penafian, dan tanpa (menyatakan) kaifiat dan tanpa misalan (disamakan dengan sifat makhluk).

Ungkapan di atas menjelaskan bahawa *al-Salaf* mengakui dan mengisbatkan sifat-sifat Allah SWT sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Quran dan al-Sunnah yang sahih.⁸

Tafwid pula adalah dari perkataan bahasa Arab; فَوَّضَ - يَفْوِضُ (- فَوْضًا), bererti menyerahkan. Erti (فَوَّضَ إِلَيْهِ الْأَمْرَ: صَبَّرَهُ إِلَيْهِ وَجَعَلَهُ الْحَاكِمَ فِيهِ) ialah; menyerahkan kepadanya sesuatu perkara: menyerahkannya (sesuatu) kepadanya dan menjadikan dia sebagai hakim terhadap sesuatu itu⁹. Asas utama manhaj *tafwid* ialah tidak membicarakan makna-makna bagi sifat *khabariyyah* Allah SWT, bahkan ia perlu ditafwidkan (diserahkan) kepada Allah SWT.

⁶ Noresah binti Baharom (2000) (ed.), *Kamus Dewan; Edisi Ketiga*, c. 3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 499.

⁷ Ahmad bin Taymiyyah (2004), *op. cit.*, jld. 5, h. 26.

⁸ Khalid bin ‘Abd Allah Bahamid al-Ansariy (1424H), *Sharh al-‘Aqidah al-Wasitiyyah*, T.T.P: Dar al-‘Itisam li al-Nashr, h. 13.

⁹ Abu Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukrim ibn Manzur al-Afriqiyy al-Misriy (1990), *Lisan al-‘Arab*, jld. 11, Bayrut: Dar Sadir, h. 210.

Seorang tokoh penting manhaj *tafwid* ialah Abu al-Ma'aliy al-Juwayniy (419-478H), yang digelar dengan *Imam al-Haramayn*. Beliau adalah 'Abd al-Malik bin 'Abd Allah bin Yusuf bin Muhammad bin 'Abd Allah bin Hayawiyyah al-Juwayniy. Karya akidah utamanya dan merupakan karya di akhir usianya yang menggambarkan manhaj *tafwid* ialah *al-Risalah al-Nizamiyyah*, sebagaimana berikut¹⁰:

وَدَهَبَ أَئِمَّةُ السَّلَفِ إِلَى الْإِنْكَفَافِ عَنِ التَّأْوِيلِ ، وَاجْتِرَاءِ الظُّوَاهِرِ
عَلَى مَوَارِدِهَا وَتَقْوِيضِ مَعَانِيهَا إِلَى الرَّبِّ تَعَالَى . وَالَّذِي نَرْتَضِيهِ رَأْيًا
وَنَدِينُ اللَّهَ بِهِ عَقْلًا : اتِّبَاعُ سَلَفِ الْأُمَّةِ .

Maksudnya: Dan telah berpendapat pimpinan al-Salaf pada menahan dari mentakwil dan membiarkan secara zahir sebagaimana sumber asalnya dan menyerahkan makna-maknanya kepada Rabb Ta'ala (Allah). Dan (manhaj) yang kami redai sebagai pendapat dan yang kami anuti tentang Allah secara akal: mengikuti (sebagaimana) golongan al-Salaf.

Pengenalan ringkas mengenai manhaj *ithbat* dan *tafwid* di atas menjelaskan bahawa manhaj *ithbat* mengisbat dan mengekalkan sifat-sifat *khabariyyah* Allah SWT dengan makna zahirnya yang selayaknya bagi Allah SWT tanpa sebarang *tashabuh* (keserupaan) dengan makhluk. Manakala manhaj *tafwid* pula ialah menyerahkan hakikat makna-makna yang boleh difahami dari lafaz zahir nas sifat *khabariyyah* itu kepada Allah SWT kerana hanya Dia SWT sahaja yang mengetahui hakikatnya.

HASAN AL-BANNA DI ANTARA PENENTANG DAN PENDOKONG

Dalam risalah *al-'Aqa'id*, Hasan al-Banna telah menggunakan istilah *tafwid ma'na* (menyerahkan makna) tentang persoalan yang berkait dengan nas sifat *khabariyyah* Allah SWT. Justeru itu golongan

¹⁰ Abu al-Ma'aliy 'Abd al-Malik bin 'Abd Allah bin Yusuf al-Juwayniy (1992), *Al-'Aqidah al-Nizamiyyah fi al-Arkan al-Islamiyyah*, tahqiq: Muhammad Zahid al-Kawthariy, al-Jami' al-Azhar: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath, h. 32.

*Salafiyyah*¹¹ menolak dakwaan Hasan al-Banna sebagai bermanhaj *al-Salaf* kerana penggunaan istilah *tafwid ma'na* itu. Ini kerana golongan *Salafiyyah* hanya menerima penggunaan istilah *tafwid kayfiyyah* (menyerahkan kaifiat) sahaja, sebagaimana yang ditegaskan oleh Ibn Taymiyyah, dan disambung lagi oleh para pengikut beliau sehingga masa kini.

Dakwaan ini tidak dipersetujui oleh golongan pendokong Hasan al-Banna masa kini, yang kemudian menulis karya-karya mereka bagi tujuan menolak dakwaan *Salafiyyah* ini. Dalil golongan pendokong ini ialah Hasan al-Banna juga menggunakan istilah kedua mengenai kenyataannya tentang manhaj akidah al-Salaf, iaitu istilah *tafwid haqiqah* (menyerahkan hakikat). *Tafwid haqiqah* ini didakwa oleh mereka sebagai istilah yang seerti dengan istilah *tafwid kayfiyyah*.

Buku pertama yang mendokong dakwaan ini ialah; *Ma'an 'ala Tariq al-Da'wah: Syaykh al-Islam Ibn Taymiyyah wa Imam al-Shahid Hasan al-Banna*. Buku ini membicarakan tentang aspek persamaan dalam pemikiran di antara dua tokoh umat Islam yang tersohor iaitu Ibn Taymiyyah dan Hasan al-Banna. Dalam aspek akidah, kupasan utamanya adalah tentang konsep *tafwid* dalam akidah Hasan al-Banna. Pengarang buku ini cuba mentaqribkan (mendekatkan) pemikiran di antara kedua tokoh ini di dalam aspek akidah berdasarkan pernyataan Ibn Taymiyyah di dalam *Majmu' Fatawa* dan pernyataan Hasan al-Banna di dalam risalah *al-'Aqa'id*. Hasil dapatan buku ini menyatakan bahawa sebenarnya manhaj akidah di antara Hasan al-Banna dan Ibn Taymiyyah adalah sama, di mana akidah Hasan al-Banna bukan bermanhaj *tafwid* sebagaimana dakwaan sesetengah pihak, tetapi bermanhaj *ithbat* sepertimana akidah yang diperjuangkan oleh Ibn Taymiyyah. Walau bagaimanapun, perspektif Hasan al-Banna terhadap manhaj *al-Khalaf* lebih terbuka berbanding Ibn Taymiyyah¹².

¹¹ *Salafiyyah* ialah merujuk kepada segolongan umat Islam yang menyeru umat Islam agar kembali kepada manhaj akidah Islam sebenar sebagaimana yang pernah dipegang oleh generasi *al-Salaf al-Salih*. Di antara tokoh utama golongan ini ialah Ibn Taymiyyah dan muridnya Ibn Qayyim al-Jawziyyah. Golongan *al-Khalaf* pula menafikan dakwaan *Salafiyyah* ini, bahkan manhaj *al-Salaf al-Salih* menurut *al-Khalaf* adalah berbeza dengan pemahaman *Salafiyyah*.

¹² Lihat: Mohammad 'Abd al-Halim Hamid (1988), *Ma'an 'ala Tariq al-Da'wah: Syaykh al-Islam Ibn Taymiyyah wa Imam al-Shahid Hasan al-Banna*, T.T.P: Dar al-Tawzi' wa al-Nashr al-Islamiyyah.

Buku kedua pula bertajuk *Manhaj al-Imam al-Banna fi al-'Aqidah*. Buku ini ditulis bagi menolak dakwaan salah dan tohmahan terhadap akidah Hasan al-Banna dalam dua perkara, pertamanya berkenaan permasalahan *tawassul*, dan keduanya tentang manhaj *tafwid* yang didakwa menjadi manhaj akidah Hasan al-Banna. Ketika memfokuskan perbincangan tentang aspek akidah, penulis buku ini telah cuba membuktikan bahawa manhaj akidah Hasan al-Banna adalah serupa dengan manhaj *ithbat* yang didokongi oleh aliran *Salafiyah*¹³.

Buku ketiga pula ialah bertajuk *Fahm al-Islam fi Zilal al-Usul al-Ishrin*. Buku ini memfokuskan pembentangan dan huraian tentang dua puluh prinsip yang disusun oleh Hasan al-Banna untuk dijadikan panduan gerakan dakwah *Ikhwan al-Muslimin*. Dalam prinsip kesepuluh yang menyatakan tentang manhaj akidah *Ikhwan al-Muslimin*, buku ini menekankan kepentingan *taqrib* (mendekatkan) pemahaman di antara umat Islam dan akhirnya menegaskan bahawa manhaj akidah Hasan al-Banna adalah serupa dengan manhaj *ithbat* yang berpegang dengan prinsip *tafwid kayfiyyah*¹⁴.

Justeru setiap para penentang dan pendokong Hasan al-Banna telah merujuk sumber yang sama iaitu risalah *al-'Aqa'id* bagi membuktikan dakwaan masing-masing. Sedangkan risalah ini memang ada mengandungi kedua-dua istilah *tafwid ma'na* dan *tafwid haqiqah* (atau kaifiat) yang menjadi bahan dakwaan setiap golongan tadi. Justeru sukar menerima dakwaan satu golongan sedangkan satu golongan lain juga ada bukti dalam dakwaan mereka itu. Maka kebenaran dakwaan setiap golongan ini perlu ditentukan melalui dapatan data lain. Penulis mendapati setiap penentang dan pendokong di atas tidak merujuk penulisan akidah Hasan al-Banna dalam majalah *al-Manar*,¹⁵ yang ditulis selepas penulisan risalah *al-'Aqa'id*, dan

¹³ Lihat: 'Isam Ahmad al-Bashir (1990), *Manhaj al-Imam al-Banna fi al-'Aqidah*, Khartum: Dar al-Nadhir.

¹⁴ Lihat: Jumu'ah Amin 'Abd al-'Aziz (1990), *Fahm al-Islam fi Zilal al-Usul al-Ishrin*, al-Iskandariyyah: Dar al-Da'wah.

¹⁵ Hasan al-Banna mengambil alih teraju majalah *al-Manar* dengan amanat dan kepercayaan daripada ahli keluarga Muhammad Rashid Reda pada tahun 1939, yang menyaksikan timbulnya perselisihan pandangan di antara beliau dengan pembaca *al-Manar* yang bermanhaj *Salafiyah* tentang isu *ayat al-sifat wa ahadithuha* (khususnya sifat *khabariyyah*). Perselisihan pandangan ini secara jujurnya telah diterbitkan dalam tiga keluaran iaitu siri 5 dan 6 bagi keluaran tahun 1939, dan siri 8 bagi keluaran tahun 1940. Melalui keluaran-keluaran inilah Hasan al-Banna telah melengkapkan keterangan tentang identiti manhaj akidah sebenar yang dipegangnya,

menjadi penyelesaian bagi pertikaian tentang manhaj akidah Hasan al-Banna dalam isu sifat *khabariyyah*.

SIFAT KHABARIYYAH ALLAH SWT

Sebelum artikel ini membincangkan lebih fokus tentang manhaj akidah Hasan al-Banna di antara *ithbat* dan *tafwid*, ia terlebih dahulu akan menjelaskan mengenai sifat *khabariyyah* Allah SWT secara ringkas.

Banyak ayat al-Quran dan hadis sahih menjelaskan tentang sifat-sifat yang sabit pada Allah SWT. Pemahaman para ulama tentang sifat Allah SWT ini telah membahagikannya kepada beberapa bahagian, bergantung pada manhaj yang dipegangi oleh sesuatu aliran akidah. Artikel ini memilih pembahagian sifat Allah yang dibuat oleh al-Bayhaqiy, seperti berikut¹⁶:

1. Sifat *Dhatiyyah*

Sifat *dhatiyyah* (zat) merupakan sifat yang melazimi *dhat* (zat) Allah SWT sejak sediakala, dan tidak berkait pada waktu dan ketika tertentu dengan *mashi'ah* (kehendak) dan *qudrah* (kuasa)Nya. Contohnya ialah *hayah* (hidup), *'ilm* (ilmu), *qudrah* (kuasa), *quwwah* (kekuatan), *'izzah* (kemuliaan), *mulk* (kekuasaan), *'azamah* (kebesaran), *kibriya'* (kesombongan), *majd* (ketinggian) dan *jalal* (keagungan). Al-Bayhaqiy menyenaraikan sifat ini sebagai sifat *dhatiyyah 'aqliyyah khabariyyah* kerana ia sabit pada dalil *aqliy* (akal) dan *naqliy* (nas)¹⁷. Demikian juga sifat yang disabitkan oleh sumber *khabariyyah* yang sahih seperti *wajh*, *yad* dan *'ayn*, yang dinamakan oleh al-Bayhaqiy sebagai sifat *dhatiyyah khabariyyah* kerana ia disabitkan oleh dalil *naqliy* (nas)¹⁸, dan memerlukan metode yang jelas sebelum dapat diterima oleh akal.

dan sebagai jawapan muktamad terhadap persoalan tersebut yang terbit dari risalah *al-'Aqa'id* yang difahami secara berbeza oleh para penentang dan para penyokongnya.

¹⁶ Lihat: Abu Bakr bin al-Husayn bin 'Aliy al-Bayhaqiy (2004), *Al-Asma' wa al-Sifat*, tahq: Nasir bin al-Najjar al-Dimyatiy, al-Mansurah: Dar Ibn Rajab, h. 162.

¹⁷ *Ibid.*

¹⁸ *Ibid.*

2. Sifat *Fi'liyyah*

Sifat *fi'liyyah* (perbuatan) pula ialah sifat yang berkait dengan *mashi'ah* dan *qudrah* Allah SWT berdasarkan waktu dan ketika, dan ia akan berlaku berdasarkan *mashi'ah* dan *qudrah* Nya itu. Contohnya ialah *khalq* (ciptaan), *rizq* (pemberian), *ihya'* (menghidupkan), *imatah* (mematikan), *'afwu* (memaafkan) dan *'uqubah* (membalas). Al-Bayhaqiy mengkategorikan senarai sifat ini sebagai sifat *fi'liyyah 'aqliyyah khabariyyah* kerana ia sabit pada dalil *aqliy* (akal) dan *naqliy* (nas)¹⁹. Demikian juga sifat *istiwa'* (bersemayam), *maji'* (datang), *ityan* (hadir), *nuzul* (turun), *dahik* (ketawa), *reda* (reda), *ghadab* (marah), *karahiyah* (benci) dan *mahabbah* (kasih sayang). Al-Bayhaqiy mengkategorikan sifat ini sebagai sifat *fi'liyyah khabariyyah* kerana ia sabit pada dalil *naqliy* (nas) sahaja²⁰.

Sifat *al-kalam* pula adalah sifat yang mempunyai ciri sifat *dhatiyyah* dan *fi'liyyah* secara bersama. Ia dikategorikan *dhatiyyah* kerana dilihat dari sudut aslinya, dan dikategorikan *fi'liyyah* kerana dilihat dari sudut kebergantungannya pada *mashi'ah* (kehendak) Allah SWT²¹.

Berdasarkan perbincangan di atas, jelaslah bahawa sifat *khabariyyah* merupakan sifat yang disabit dan dinyatakan oleh nas wahyu sahaja, dan ia tidak sabit pada akal kecuali selepas difahami dengan metode tertentu dan selari dengan landasan syarak. Metode ini ialah di antara *ithbat* dan *tafwid* yang menjadi polemik besar di antara umat Islam hari ini. Perlu dijelaskan bahawa isu polemik yang berlaku bukan berkaitan *khabariyyah dhatiyyah* atau *fi'liyyah*, tetapi tentang *ithbat* dan *tafwid*.

Ada sifat *khabariyyah* yang disebutkan oleh al-Quran dan hadith, dan ada yang disebutkan oleh hadith sahaja. Di antara sifat *khabariyyah* Allah SWT yang disebutkan oleh al-Quran dan hadis ialah *istiwa'* (bersemayam), *rahmah* (rahmat), *mahabbah* (kasih sayang), *ghadab* (marah), *yadd* (tangan), *reda* (reda), *wajh* (wajah), *kalam* (kata-kata), *nafs* (diri), *ru'yah* (melihat), *qurb wa ma'iyyah*

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ *Ibid.*

²¹ Muhammad al-Salih al-Uthaymin (1421H), *Sharh al-'Aqidah al-Wasitiyyah*, semakan: Sa'd bin Fawwaz al-Samayl, c. 6, jld. 1, al-Riyad: Dar Ibn al-Jawziy, h. 79.

(dekat dan bersama), *saq* (betis), '*ayn* (mata) dan *maji*' (datang). Manakala di antara sifat *khabariyyah* yang hanya disebutkan oleh hadis sahaja ialah *nuzul* (turun), *farah* (gembira), *dahik* (ketawa), *qadam* (kaki), *asabi* (jari) dan *ta'ajjub* (kagum).

PERSPEKTIF HASAN AL-BANNA TERHADAP SIFAT KHABARIYYAH

Ada dua karya yang ditulis oleh Hasan al-Banna mengenai sifat *khabariyyah* Allah SWT. Dua karya tersebut ialah risalah *al-'Aqa'id* dan majalah *al-Manar*. Karya-karya akidah lain terutamanya risalah *Allah fi al-'Aqidah al-Islamiyyah* tidak mengandungi data yang diperlukan.

Melalui risalah *al-'Aqa'id*, Hasan al-Banna menyatakan pandangannya terhadap sifat *khabariyyah* Allah SWT dengan menggunakan istilah *tafwid ma'na* dan *tafwid haqiqah*, sebagaimana berikut²²:

a. *Tafwid ma'na*.

i. *وَكُلُّ ذَلِكَ بِمَعَانٍ لَا نَدْرِكُهَا ، وَنَتْرُكُ لِلَّهِ تَبَارَكَ تَعَالَى الْإِخَاطَةَ بِعِلْمِهَا .*

Maksudnya: *Dan semua yang demikian itu adalah dengan makna-makna yang tidak dapat kita tanggapinya, dan kita tinggalkan kepada Allah SWT rangkuman tentang ilmunya*²³.

ii. *وَيَتْرَكُونَ بَيَانَ الْمَقْصُودِ مِنْهَا لِلَّهِ تَبَارَكَ تَعَالَى .*

Maksudnya: *Dan mereka (al-Salaf al-Salih) meninggalkan penerangan maksud tentangnya kepada Allah SWT*.²⁴

iii. *وَيَسْكُتُونَ عَنْ تَفْسِيرِهَا أَوْ تَأْوِيلِهَا .*

Maksudnya: *Dan mereka (al-Salaf al-Salih) diam dari mentafsirkannya atau mentakwilkannya*²⁵.

²² Hasan al-Banna (1992), *op. cit.*, h. 412.

²³ *Ibid.*

²⁴ *Ibid.*, h. 414.

²⁵ *Ibid.*, h. 416.

iv. ونحن نَعْتَقِدُ أَنَّ رَأْيَ السَّلَفِ مِنَ السُّكُوتِ وَتَفْرِيزِ عِلْمِ هَذِهِ الْمَعَانِي إِلَى اللَّهِ تَبَارَكَ وَتَعَالَى أَسْلَمَ وَأَوْلَى بِالِاتِّبَاعِ .

Maksudnya: Dan kami berpegang bahawa pandangan al-Salaf iaitu diam dan menyerahkan ilmu makna-makna ini kepada Allah Tabaraka wa Ta'ala adalah lebih sejahtera dan paling utama untuk diikuti²⁶.

b. *Tafwid haqiqah.*

i. نُؤْمِنُ بِهَذِهِ الْآيَاتِ وَالْأَحَادِيثِ كَمَا وَرَدَتْ ... فَهُمْ يُشْتَبُّونَ الْيَدَ وَالْعَيْنَ وَالْأُغْيَيْنَ وَالْأَسْتَوَاءَ وَالضَّحِكَ وَالْتَعَجُّبَ .

Maksudnya: Kami beriman dengan ayat-ayat dan hadis-hadis ini sebagaimana yang dinyatakan ... Maka mereka (al-Salaf) mengisbatkan Yad, 'Ayn, A'yun, Istiwa', Dahik, Ta'ajjub²⁷.

ii. وصفات الله تبارك وتعالى في القرآن الكريم كثيرة ، وَكَمَالَاتُهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى لَا تَنْهَى ، وَلَا تُدْرِكُ كُنْهَهَا عُقُولُ الْبَشَرِ ،

Maksudnya: Dan sifat-sifat Allah Tabaraka wa Ta'ala di dalam al-Quran al-Karim adalah banyak, dan kesempurnaanNya Tabaraka wa Ta'ala tiada terhad, dan akal-akal manusia tidak dapat menanggapi hakikat sifatNya²⁸.

iii. فَتَفْطَنَ لِهَذَا الْمَعْنَى فَإِنَّهُ دَقِيقٌ ، وَلَسْتَ مُطَالِبًا بِمَعْرِفَةِ كُنْهَهَا .

Maksudnya: Maka telitikan makna ini maka sesungguhnya ia adalah mendalam, dan kamu tidak dituntut mengetahui tentang hakikat sifatnya.²⁹

²⁶ Ibid., h. 417.

²⁷ Ibid., h. 412.

²⁸ Ibid., h. 403.

²⁹ Ibid., h. 404.

Petikan-petikan teks dari risalah *al-'Aqa'id* di atas mengandung istilah *tafwid ma'na* dan *tafwid haqiqah* yang telah dijadikan dalil dan hujah bagi para penentang dan pendokong Hasan al-Banna. Hakikat manhaj akidah Hasan al-Banna perlu distatuskan sama ada bermanhaj *ithbat* atau *tafwid*, hanya dengan menemukan data-data dari sumber lain. Dalam hal ini, penulis mendapati bahawa data-data tersebut ada dalam majalah *al-Manar*, dengan petikan-petikan berkaitan adalah seperti berikut:

i. *أن مذهب السلف ترك الخوض في هذه المعاني مع اعتقاد تنزيه الله - تبارك وتعالى - عن أمثالها المنسوبة لخلقه .*

Maksudnya: *Bahawa mazhab al-Salaf meninggalkan berbicara panjang tentang makna-makna ini (sifat khabariyyah) di samping berpegang dengan kesucian Allah Tabaraka wa Ta'ala dari keserupaan dengan makhlukNya³⁰.*

ii. *وإمرازها كما جاءت وتفويض علم حقائقها إلى الله.*

Maksudnya: *Dan membiarkannya sehagaimana ia datang dan menyerahkan (tafwid) ilmu hakikatnya kepada Allah³¹.*

iii. *والحق في هذا وأمثاله أن يقال استوى استواءً يليقُ بجلاله مع اعتقادهم عدم المشابهة وتفويض الحقيقة إلى الله، إلا أن تقوم قرينة لا تدفع تصرف اللفظ عن ظاهره، فتقف عند حدود هذا الصرف ولا تتجاوزه كما ذهب إليه السلف في معية الحق - تبارك وتعالى - بعلمه لا بداته .*

Maksudnya: *Dan kebenarannya tentang isu ini dan seumpamanya bahawa perlu dinyatakan Dia beristiwa' dengan istiwa' yang sesuai dengan keagunganNya di*

³⁰ Hasan al-Banna (1939), "Intiqad al-Manar", dalam; *Al-Manar*, jld. 35, juz. 6, Ogos 1939.

³¹ *Ibid.*

samping pegangan mereka untuk tidak menyerupakan dan menyerahkan hakikat sebenar kepada Allah, melainkan adanya dalil yang tidak boleh menolak pengubahan lafaz zahirnya, maka sudah memadai bagi kita setakat batas pengubahan ini sahaja dan kita tidak melampauinya seperti yang telah ditunjukkan oleh al-Salaf berkenaan sifat "kebersamaan" – *ma'iyah* Allah Tabaraka wa Ta'ala - adalah dengan ilmuNya bukan dengan dhatNya³².

.iv استوى الله على عرشه استواءً تعجز عقولنا عن إدراك حقيقته مع
عِلْمِنَا بأنه لم يكن كاستواء الخلق وبذلك نُردُّ الحقائق لله تبارك
وتعالى ... فَيَدُّ الله التي ذكرها في كتابه صفة من صفاته تعجز عقولنا
عن إدراك حقيقتها مع عِلْمِنَا التام بأنها لن تُكُنْ كإيديتنا .

Maksudnya: Allah beristiwa' di atas 'arashNya (dengan) istiwa' yang lemah akal kita untuk menanggapi hakikatnya di samping kita mengetahui bahawa ia bukan sepertimana istiwa' makhluk, dan kerana itu kita serahkan segala hakikat kepada Allah Tabaraka wa Ta'ala ... maka yad Allah yang disebutkan di dalam kitabNya (adalah) satu sifat dari sifat-sifatNya yang lemah akal kita menanggapi hakikatnya di samping kita mengetahui sesempurnanya bahawa ia bukan sebagaimana tangan-tangan kita³³.

Dalam majalah *al-Manar* ini, manhaj akidah Hasan al-Banna lebih terserlah sebagai manhaj *ithbat*, terutama dua petikan terakhir yang mengisbatkan *Istiwa'*, dan *Yad* Allah SWT sebagaimana yang diisbatkan oleh manhaj *ithbat*. Perspektif Hasan al-Banna terhadap sifat *ma'iyah* (kebersamaan) Allah SWT dengan makhluk dalam petikan (iii) juga menjelaskan keserupaan manhajnya dengan pendapat Ibn Taymiyyah sendiri dan manhaj *ithbat*. Justeru petikan-petikan teks Hasan al-Banna adalah merupakan jawapan dan penyelesaian bagi kekeliruan yang ada dalam risalah *al-'Aqa'id*, seterusnya mengesahkan manhaj akidah Hasan al-Banna ialah manhaj *ithbat*.

³² *Ibid.*

³³ Hasan al-Banna (1939), "Fatawa al-Manar", dalam; *Al-Manar*, jld. 35, juz. 5, Julai 1939, h. 20.

KETERANGAN ISTILAH

Berdasarkan petikan di atas dan pemerhatian terhadap istilah-istilah utama bagi manhaj *ithbat* dan *tafwid* di sepanjang kajian ini, terdapat tiga istilah *tafwid* yang perlu diperjelaskan, iaitu:

1. *Tafwid Kayfiyyah*

Tafwid kayfiyyah bermaksud menyerahkan kaifiat sifat Allah SWT kepadaNya kerana akal tidak dapat menanggapi kaifiat tersebut. Konsep *tafwid* kaifiat ini menjadi pegangan manhaj *ithbat*, kerana merujuk pada kenyataan Malik bin Anas terhadap *istiwa'* Allah SWT, iaitu; (الإستواء معلوم والكيف مجهول) ; *istiwa'* difahami dan kaifiatnya tidak diketahui. Maka *tafwid kayfiyyah* bermaksud makna sifat Allah SWT adalah difahami, cuma kaifiatnya sahaja yang tidak dapat ditanggapi akal. Walaupun manhaj *ithbat* berpegang dengan prinsip *tafwid* pada kaifiat *sifat khabariyyah*, namun prinsip *ithbat* pada mengisbatkan *sifat khabariyyah* adalah lebih menyerlah dan dominan dari prinsip *tafwid* pada menyatakan identiti manhaj mereka.

2. *Tafwid Ma'na*

Tafwid ma'na pada *sifat khabariyyah* menjadi asas akidah bagi manhaj *tafwid*. Ia bermaksud bahawa makna-makna dan maksud bagi *sifat khabariyyah* mesti diserahkan kepada Allah SWT. Jadi, perbezaan manhaj *tafwid* dengan manhaj *ithbat* ialah pada skop pengisbatan terhadap *sifat khabariyyah*. Manhaj *tafwid* meletakkan skop pengisbatan adalah pada lafaz zahir *sifat khabariyyah* dan skop *tafwid* adalah pada makna-maknanya, sedangkan manhaj *ithbat* meletakkan skop isbat pada lafaz zahir dan maknanya, manakala kaifiatnya sahaja yang ditafwidkan. Oleh kerana konsep *tafwid* manhaj *tafwid* adalah lebih umum berbanding manhaj *ithbat*, maka istilah *tafwid* lebih mendominasi manhaj mereka pada menyatakan tentang identiti manhaj.

3. *Tafwid Haqiqah*³⁴

Merujuk pada istilah *tafwid haqiqah*, penulis mendapati bahawa istilah ini lebih ketara digunakan oleh Hasan al-Banna dalam majalah *al-*

³⁴ Istilah-istilah yang digunakan oleh Hasan al-Banna bagi merujuk pada *tafwid kayfiyyah* ialah (تفويض حقيقة); iaitu serah hakikat, dan (كُنْهها); iaitu hakikatnya. Istilah

Manar bagi menyatakan secara mendalam tentang manhaj akidahnya terhadap *sifat khabariyyah*. Istilah ini juga merupakan sokongan dan penerangan tambahan terhadap istilah manhaj akidahnya di dalam risalah *al-'Aqa'id* iaitu istilah (الْكُنْه) yang juga merujuk pada hakikat sifat. Justeru penulisan di dalam majalah *al-Manar* adalah penjelasan dan huraian tambahan terhadap penulisannya di dalam risalah *al-'Aqa'id*. Ini kerana penulisannya di dalam majalah *al-Manar* pada tahun 1939-1940 adalah penulisan yang ditulisnya selepas risalah *al-'Aqa'id* yang ditulis pada tahun 1933.

FAKTOR PERCAMPURAN ISTILAH

Hasan al-Banna menggunakan istilah *tafwid ma'na* dan *tafwid haqiqah* dalam penulisan akidahnya. Penulis berpendapat bahawa penggunaan istilah-istilah yang bercampur di atas berlaku adalah kerana sebab-sebab berikut:

1. Istilah yang berkaitan dengan *sifat khabariyyah* seperti *tafwid kayfiyyah*, *tafwid ma'na* dan *tafwid haqiqah* merupakan istilah yang tidak dibincangkan oleh umat Islam khususnya di Mesir pada waktu itu. Setiap manhaj lebih cenderung untuk hanya menganuti pelajaran yang diterima terutama yang berkaitan dengan konsep dan istilah secara warisan tanpa membahaskannya secara spesifik. Manhaj *ithbat* sendiri tidak dikenali sebagai memperjuangkan istilah *tafwid kayfiyyah* ketika memperkenalkan manhaj mereka, malah istilah yang tersohor pada mereka ialah istilah *ithbat*. Manhaj *tafwid* pula menekankan kepentingan dan keutamaan konsep *tafwid ma'na*, tanpa membandingkannya dengan *tafwid kayfiyyah* dan *tafwid haqiqah*. Manakala manhaj *ta'wil* pula menumpukan pada konsep takwil dan penggunaannya di dalam *sifat khabariyyah*. Justeru dengan sebab tiadanya suatu usaha yang menyeluruh terhadap perbandingan aliran akidah *ithbat*, *tafwid* dan *ta'wil* di waktu itu telah menzahirkan ketidakfahaman di antara umat Islam di dalam isu *sifat khabariyyah*.

iniilah yang cuba dibuktikan oleh para penyokong Hasan al-Banna bahawa ia seerti dengan *tafwid kayfiyyah*, dan seterusnya ia selari dengan manhaj akidah Ibn Taymiyyah yang memperjuangkan manhaj *ithbat*.

Muhammad Rashid Reda yang sebelum ini berpegang dengan manhaj *al-Khalaf* seperti gurunya Muhammad Abduh, hanya dapat membezakan manhaj *ithbat* dan *ta'wil* selepas beliau membaca dan memberi perhatian terhadap karya-karya Ibn Taymiyyah dan Ibn Qayyim. Justeru konsep pemboleh beza itu hadir selepas dilakukan perbandingan manhaj akidah di antara aliran-aliran akidah yang ada.

2. Hasan al-Banna mempunyai pemahaman bahawa istilah *tafwid ma'na* dan *tafwid haqiqah* adalah istilah yang seerti. Penggunaan istilah *tafwid ma'na* adalah kerana ia merupakan istilah warisan yang diambil daripada para ulama (bermanhaj *tafwid*) terdahulu, dan penggunaan istilah *tafwid haqiqah* dengan lafaz (الحقيقة) dan (الكنه) menjadi istilah kedua bagi *tafwid ma'na*, dan ia merujuk pada satu maksud. Sehubungan itu Hasan al-Banna menggunakan kedua-dua istilah tersebut bagi merujuk pada *tafwid sifat khabariyyah*, khususnya di dalam penulisannya di dalam risalah *al-'Aqa'id*. Hasan al-Banna lebih banyak menggunakan istilah *tafwid haqiqah* di dalam majalah *al-Manar* sebagai suatu penerangan tambahan terhadap istilah *tafwid ma'na* yang digunakan di dalam risalah *al-'Aqa'id*.
3. Berdasarkan pembentangan yang lalu, penulis mendapati bahawa manhaj akidah Hasan al-Banna sebenarnya berada di bawah pengaruh dua sumber manhaj akidah utama di Mesir pada waktu itu iaitu pertamanya; manhaj *tafwid* dan *ta'wil* Asha'irah yang menjadi manhaj akidah bagi majoriti umat Islam Mesir, dan keduanya; manhaj akidah Rashid Reda dan majalah *al-Manar* yang lebih cenderung pada manhaj akidah Ibn Taymiyyah atau manhaj *ithbat*. Dengan persekitaran pengaruh yang seumpama itu di samping cita-cita Hasan al-Banna yang mahukan kesatuan akidah umat Islam yang berasaskan ajaran al-Quran dan al-Sunnah sebenar, maka penulis berpendapat bahawa Hasan al-Banna cuba memanfaatkan kesemua istilah tersebut sebagai istilah yang satu dengan menekankan titik persamaan di antara semua manhaj akidah tersebut dan mengenepikan perbezaan pemahaman yang ada.

DI ANTARA *TAFWID KAYFIYYAH* DAN *TAFWID HAQIQAH*

Berdasarkan analisis terhadap konsep *tafwid* menurut Hasan al-Banna, didapati bahawa istilah *tafwid haqiqah* boleh disama ertikan dengan istilah *tafwid kayfiyyah*. Kenyataan Hasan al-Banna tentang perkara tersebut amat ketara melalui petikan berikut³⁵:

استوى الله على عرشه استواء تعجز عقولنا عن إدراك حقيقته مع علمنا بأنه لم يكن كاستواء الخلق وبذلك نرد الحقائق لله تبارك وتعالى ... فيد الله التي ذكرها في كتابه صفة من صفاته تعجز عقولنا عن إدراك حقيقتها مع علمنا التام بأنها لن تكن كأيدينا .

Maksudnya: Allah beristiwa' di atas 'arashNya (dengan) istiwa' yang lemah akal kita untuk menanggapi hakikatnya di samping kita mengetahui bahawa ia bukan sepertimana istiwa' makhluk, dan kerana itu kita serahkan segala hakikat kepada Allah Tabaraka wa Ta'ala ... maka yad Allah yang disebutkan di dalam kitabNya (adalah) satu sifat dari sifat-sifatNya yang lemah akal kita menanggapi hakikatnya di samping kita mengetahui sesempurnanya bahawa ia bukan sebagaimana tangan-tangan kita.

Ciri-ciri yang membuktikan persamaan di antara konsep *tafwid kayfiyyah* dengan *tafwid haqiqah* melalui petikan di atas ialah:

- i. Hasan al-Banna mengisbatkan sifat *khabariyyah* bagi Allah SWT sebagaimana makna zahirnya sepertimana yang diisbatkan oleh manhaj *ithbat*.
- ii. Sifat *khabariyyah* tersebut tiada keserupaan dengan sifat yang sama namanya sebagaimana yang ada pada makhluk.
- iii. Akal dan kemampuan manusia tidak mampu menanggapi ciri-ciri sebenar yang ada pada sifat *khabariyyah* Allah SWT itu, dan ia perlu diserahkan (*tafwid*) kepada Allah SWT. Hasan al-Banna memaksudkan ketidakmampuan akal manusia dan

³⁵ Hasan al-Banna (1939), "Fatawa al-Manar"; *op. cit.*, h. 20-21.

konsep *tafwid* itu melalui istilah *tafwid haqiqah*, manakala manhaj *ithbat* mengistilahkannya sebagai *tafwid kayfiyyah*.

- iv. Istilah *al-haqiqah* ini juga digunakan oleh Ibn Taymiyyah sebagai ikon golongan *Salafiyyah* pada menyatakan tentang *tafwid kayfiyyah*, sebagaimana berikut³⁶:

وَكذلك مَدْلُولُ أَسْمَائِهِ وَصِفَاتِهِ الَّتِي يُخْتَصُّ بِهَا، الَّتِي هِيَ حَقِيقَتُهُ،
لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا هُوَ.

Maksudnya: Dan demikian petanda asma' dan sifat-sifatNya yang mengkhususinya, yang ia adalah hakikatNya, tiada diketahui tentangnya kecuali Dia.

Ciri-ciri ini menyimpulkan bahawa Hasan al-Banna mengisbatkan *sifat khabariyyah* bagi Allah SWT sebagaimana makna zahir bagi lafaz tersebut, dan dalam masa yang sama menafikan *tashabuh* (keserupaan) sifat tersebut dengan sifat yang ada pada makhluk. Demikian juga manhaj *ithbat* telah mengisbatkan makna zahir lafaz *sifat khabariyyah* bagi Allah SWT dan menafikan *tashabuh* (keserupaan) sifat tersebut dengan sifat makhluk. Perbezaannya ialah pada istilah, apabila manhaj *ithbat* menggunakan istilah *tafwid kayfiyyah* yang merujuk pada kenyataan (والكيف مجهول), manakala Hasan al-Banna merujuk istilah *tafwid haqiqah* pada menyatakan perkara yang sama.

MEMUTLAKKAN *ITHBAT* BAGI SIFAT Khabariyyah

Hasan al-Banna memutlakkan (mengkomponenkan) *ithbat* pada semua sifat *khabariyyah* Allah SWT tanpa mengasingkan di antara sifat *dhatiyyah* seperti *Wajh* dan *Yad*, dengan sifat *fi'liyyah* seperti *Dahik* dan *Ta'ajjub*. Kenyataannya seperti berikut:

نؤمن بهذه الآيات والأحاديث كما وردت ... فهم يشبّهون اليد
والعين والأعين والاستواء والضحك والتعجب .

³⁶ Ahmad bin 'Abd al-Halim bin 'Abd al-Salam bin Taymiyyah (2000), *Al-Tadmuriyyah*, tahqiq: Muhammad bin 'Awdah al-Sa'wiy, c. 6, al-Riyad: Maktabah al-'Abikan, h. 111.

Maksudnya: Kami beriman dengan ayat-ayat dan hadis-hadis ini sebagaimana yang dinyatakan ... Maka mereka (al-Salaf) mengisbatkan Yad, 'Ayn, A 'yun, Istiwa', Dahik, Ta 'ajjub³⁷.

Sedangkan manhaj *tafwid* tidak mengisbatkan semua sifat sebagaimana manhaj *ithbat*, kerana sifat yang lainnya akan ditakwil kepada makna *majaz* yang sesuai. Justeru itu hakikat yang ada dalam manhaj *tafwid* ialah konsep *ithbat* pada sesetengah sifat, dan *ta'wil* pada setengah sifat yang lain. Contohnya Abu al-Hasan al-Ash'ariy yang mentakwilkan sifat *reda* dan *ghadab* (marah) Allah SWT kepada makna; kehendakNya untuk memberi nikmat dan azab bagi orang yang diredai dan dimurkaiNya. Berikut adalah kenyataannya³⁸:

وَأَجْمَعُوا عَلَى أَنَّهُ عَزَّ وَجَلَّ يَرْضَىٰ عَنِ الطَّائِعِينَ لَهُ ، وَأَنَّ رِضَاهُ عَنْهُمْ
إِرَادَتُهُ لِنَعِيمِهِمْ ، وَأَنَّهُ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيَسْخَطُ عَلَى الْكَافِرِينَ وَيَغْضَبُ
عَلَيْهِمْ ، وَأَنَّ غَضَبَهُ إِرَادَتُهُ لِعَذَابِهِمْ ، وَأَنَّهُ لَا يَقُومُ لَغَضَبِهِ شَيْءٌ .

Maksudnya: Dan mereka bersepakat bahawa Allah 'Azz wa Jall *reda* terhadap orang-orang yang mentaatiNya, dan bahawa *reda*Nya terhadap mereka adalah kehendakNya untuk memberikan mereka nikmat, dan bahawa Dia menyukai orang-orang yang bertaubat dan memurkai orang-orang kafir dan memarahi mereka, dan bahawa kemarahanNya adalah kehendakNya untuk mengazab mereka, dan bahawa tidak bangkit kemarahanNya sesuatupun.

Pengisbatan Hasan al-Banna terhadap sifat *fi'liyyah* seperti *dahik* dan *ta'ajjub* telah membezakan manhajnya dari manhaj *tafwid* yang mentakwilkan sifat *fi'liyyah* seperti *reda* dan *ghadab*, sebagaimana contohnya di atas.

³⁷ Hasan al-Banna (1992), *op. cit.*, h. 412.

³⁸ Lihat: Abu al-Hasan al-Ash'ariy (2002), *Risalah ila Ahl al-Thaghr*, tahqiq: 'Abd Allah Shakir Muhammad al-Junaydiy, c. 2, al-Madinah al-Munawarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam, h. 231.

MANHAJ AKIDAH HASAN AL-BANNA TERHADAP SIFAT KHBARIYYAH

Berdasarkan pembentangan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa manhaj akidah Hasan al-Banna mengenai sifat *khabariyyah* Allah SWT ialah manhaj *ithbat*. Hakikat ini jelas dilihat pada *tafwid haqiqahnya* yang sama dengan *tafwid kayfiyyah*, iaitu menyerahkan hakikat dan kaifiat sebenar *sifat khabariyyah* kepada Allah SWT, di samping memutlakkan pendekatan *tafwidnya* ini untuk semua sifat *khabariyyah*. Dari aspek ini *tafwid* Hasan al-Banna berbeza dari manhaj *tafwid* yang hanya mentafwidkan sesetengah *sifat khabariyyah* tertentu dan mentakwilkannya yang lain khususnya sifat *fi'liyyah* sebagaimana pendekatan sesetengah tokoh manhaj *tafwid*.

Hasan al-Banna juga bersikap terbuka dengan manhaj *tafwid* dan *ta'wil*, dan meraikan tokoh-tokoh mereka. Hasan al-Banna berpandangan bahawa aliran *al-Khalaf* juga masih tidak terkeluar dari landasan ajaran akidah yang sebenar. Justeru itulah Hasan al-Banna telah menekankan titik-titik persamaan manhaj yang ada dalam setiap manhaj *ithbat*, *tafwid* dan juga *ta'wil*. Aliran *Salafiyyah* pula tidak dapat menerima pendekatan Hasan al-Banna yang kedua ini iaitu bersikap terbuka dengan pendekatan manhaj *ta'wil*, kerana komitmen mereka dengan *tafwid* kaifiat dan istilah (والكيف مجهول); iaitu hanya kaifiat yang tidak difahami dan diketahui. Justeru kritikan golongan *Salafiyyah* terhadap Hasan al-Banna bukan kerana adanya perbezaan manhaj akidah dengan mereka, tetapi kerana sikap terbukanya terhadap manhaj *tafwid* dan *ta'wil*, sebagaimana intipati pertikaian pendapat yang terjadi di antara Hasan al-Banna dengan seorang pembaca beraliran *Salafiyyah* dalam majalah *al-Manar* bagi terbitan di antara tahun 1939-1940.

KESIMPULAN

Berdasarkan pembentangan di atas, penulis merumus dan menyimpulkan bahawa Hasan al-Banna memilih manhaj akidah *al-Salaf* sebagai manhaj akidahnya kerana rujukan utama ialah kepada rujukan asli al-Quran dan al-Sunnah. Namun, oleh kerana umat Islam berselisih pendapat tentang manhaj sebenar akidah *al-Salaf* sama ada ia adalah *ithbat* atau *tafwid*, maka demikian juga persoalan tentang manhaj akidah Hasan al-Banna. Walau bagaimanapun dapatan kajian

mendapati manhaj akidah Hasan al-Banna adalah serupa dengan manhaj *ithbat*. Keserupaannya merujuk pada istilah *tafwid haqiqah* yang digunakan beliau dalam risalah *al-'Aqa'id* dan majalah *al-Manar*, yang seerti dengan *tafwid kayfiyyah*. Hasan al-Banna juga memutlakkan *ithbat* bagi semua sifat *khabariyyah* sepertimana pegangan manhaj *ithbat*, tanpa mengecualikan sifat *fi'liyyah* sebagaimana yang diadaptasi oleh manhaj *tafwid*.

Walau bagaimanapun manhaj akidah Hasan al-Banna tidak terikat dengan disiplin manhaj *ithbat*. Contohnya Hasan al-Banna menggunakan istilah *tafwid haqiqah* bagi merujuk pada *tafwid kayfiyyah* yang menjadi istilah utama bagi manhaj *ithbat*. Selain itu, Hasan al-Banna juga bersikap terbuka dengan manhaj akidah *tafwid* dan *ta'wil* sedangkan aliran *Salafiyyah* yang berpegang dengan manhaj *ithbat* amat keras dan tegas menolak pendekatan dua manhaj tersebut.